

# Bersama Carol Yip



Kami telah menemu bual seorang pembimbing kewangan (financial coach), Carol Yip pada pagi Jumaat jam 10, di pejabat FPAM (Financial Planning Association Of Malaysia) yang berlokasi di Bukit Damansara. Berikut merupakan isi kandungan perbualan kami yang berkisar pada perancangan dan pengurusan wang.

**Jasmine:** Bolehkah Cik Carol memperkenalkan diri kepada pembaca setia majalah kami?

**Carol:** Saya seorang pembimbing kewangan. Saya memiliki sebuah syarikat, Abacus For Money, yang memberikan nasihat dan bimbingan tentang pengurusan wang individu. Saya lebih khusus kepada program pendidikan. Saya membimbing individu bagaimana membuat keputusan kewangan.

Kita semua mempunyai rancangan hidup. Namun rancangan hidup ini akan berubah mengikut gaya hidup atau situasi. Contohnya dari bujang beralih ke tahap berkahwin, memperoleh anak. Jika lalu kita tidak mempunyai satu rancangan kehidupan, maka adalah mustahil untuk mengawal situasi kewangan diri dan keluarga. Oleh itu, seseorang harus menguasai rancangan dirinya dan bertanggungjawab penuh agar rancangan berkenaan dapat bertukar menjadi kenyataan.

**Jasmine:** Apakah hubungan di antara wang dengan nilai moral?

**Carol:** Kedua-dua komponen berkait rapat. Masyarakat kini mempunyai banyak masalah sosial, seperti kes rompak, jenayah. Apakah motif mereka melakukan kesemua pekerjaan terkutuk tersebut? Kerana mereka memerlukan wang untuk membeli makanan, menyara keluarga.

Tanpa wang, adalah amat sukar untuk hidup. Maka sesetengah orang akan mengambil jalan mudah, sama ada meminjam atau melakukan jenayah demi memperoleh wang. Selain itu, apabila anda menyayangi seseorang, selain luahan fizikal seperti pelukan dan ciuman, anda mungkin ingin mempersebahkan dalam bentuk material. Maka anda memerlukan wang untuk membelinya. Jadi jelas bahawa terdapat satu hubungan yang sangat erat di antara wang dan nilai moral.

**Jasmine:** Bagaimana harus kita merancang dan menguruskan wang kita?

**Carol:** Sebelum memulakan satu rancangan, kita mesti sedia maklum status diri kita. Apakah posisi terkini kehidupan kita? Apakah "financial self worth" (nilai kewangan diri) kita? Berapakah nilai diri kita dari segi kewangan? Jawapannya mudah. Cuma hitungkan jumlah wang yang terdapat dalam dompet, bank, harta yang dimiliki. Jadi, kita perlu menyediakan satu "Cash Flow", "Balance Sheet", duduk dan teliti maklumat yang terdapat di dalam. Melalui maklumat tersebut, kita akan ketahui di manakah kedudukan kita. Kemudian, tanyalah diri, apakah yang diinginkan dalam hidup? Kehidupan yang selesa, mewah? Maka kita perlu menetapkan matlamat kewangan. Dan kesemua kelakuan ini merupakan satu perancangan.

Bagaimana kita hendak merancang kewangan kita, ber-gantung kepada keinginan kita dalam hidup, falsafah hidup. Merancang adalah mudah. Ia boleh merupakan fantasi, imaginasi dan khayalan. Tapi mampukah kita mengimplementasikan rancangan berkenaan? Ramai daripada kita tidak mampu, mungkin disebabkan kekurangan kawalan, disiplin, tidak mempunyai masa dan sebagainya. Terlalu banyak godaan di luar. Maka dikatakan amat sukar untuk merancang kerana apa yang dirancang tidak pernah menjadi kenyataan. Namun, tentu terdapat kekecualian. Mereka yang mampu menjadikan imaginasi kenyataan ialah orang yang berjaya.

Dari segi psikologi, kita akan berasa sedih dan hampa apabila rancangan kita tidak berjaya. Kita mula mengalah atau putus asa. Jadi, bagaimanakah kita boleh memotivaskan diri? Rancanglah sesuatu yang mampu dicapai. Apabila kita mampu mencapai gol yang kecil berkenaan, kita akan lebih bermotivasi. Oleh itu, jangan tunggu sehingga krisis kewangan menjelma baru kita mula merancang. Motivasikan diri dengan rancangan kecil terlebih dahulu.

Tetapkan matlamat hidup. Bekerjasama dengan minda untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Minda kita sebenarnya adalah sangat berkuasa. Ia mampu melaksanakan banyak tugas. Cuma bergantung kepada arahan atau informasi yang kita salurkan kepadanya. Seperti komputer. Jadi sebarang keputusan bergantung kepada data yang dimasukkan ke dalamnya. Dan minda kita tidak mempunyai had atau sempadan. Ia mampu menyimpan semua pengalaman, pengetahuan, memori dan sebagainya.

Nasihat saya ialah, kita harus mula dengan mengenali diri kita, kemudian lakukan perubahan kepada kehidupan kita. Inilah yang dinamakan ketekunan dan tabiat. Bagaimana perubahan dapat dilakukan? Melalui tindakan, pengalaman, dan perasaan yang berbeza. Untuk menguatkan semangat diri kita. Menguruskan wang hanya salah satu tindakan. Wang menjadi semakin tidak ketara kerana kita menggunakan kad kredit, 'on line banking', kita tidak perlu membawa wang tunai. Kita telah masuki zaman teknologi canggih. Tiada hubungan fizikal dengan wang lagi.

Godaan di luar semakin hebat. Iklan dan produk baru muncul dalam hidup kita setiap hari. Jikalau kita tidak mampu merancang dan mengawal wang kita, maka keadaan akan menjadi teruk. Jadi, kita harus mempu-

nyai disiplin yang kuat, dan memahami diri kita.

**Jasmine:** Bilakah harus kita mula merancang kewangan kita?

**Carol:** Semenjak peringkat bayi. Ambil analogi sebuah syarikat baru. Apabila ingin memulakan satu perniagaan, kita harus merancang. Sama ada ia sebuah syarikat individu, perkongsian, atau sendirian berhad. Kita meneliti akaun syarikat, perbelanjaan, hasil. Kemudian kita mengambil initiatif untuk mengembangkan syarikat. Kita harus mengaitkan dunia perniagaan dengan kehidupan peribadi kita. Sebagai ibu bapa, kita boleh merancang untuk anak kita. Hubungkan anak-anak dengan wang sepanjang proses pendewasaan mereka.

**Jasmine:** Apakah itu dana pendidikan (education fund)? Apakah fungsinya terhadap masa depan anak-anak?

**Carol:** Sebenarnya, anak kita mungkin tidak memerlukan "education fund" untuk melanjutkan pelajaran, kerana terdapat biasiswa untuk membantu. Cuma mereka harus berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan bantuan tersebut. Ini satu daya motivasi juga. Sebagai ibu bapa, kita harus mendidik anak tentang pendidikan sejak kecil, agar mereka menjadi bijak dan berkeupayaan. Apabila dewasa kelak, mereka mampu mendapat wang untuk melanjutkan pelajaran mereka. Ibu bapa tidak harus memikul tanggungjawab untuk menyediakan education fund untuk anak-anak secara tunggal. Mereka harus berkongsi topik ini bersama anak-anak, supaya mereka menghargai budi ibu bapa.

Malah ibu bapa seharusnya mengajar anak-anak nilai wang, dan bagaimana untuk mendapatkan wang secara halal. Ia sejenis kemahiran. Setiap orang pasti berhadapan dengan masalah kewangan dalam kehidupan. Jadi, jika kita mengajar anak-anak kita pengurusan wang sejak kecil, mereka mampu mencegah atau menguruskannya dengan lebih baik.

**Jasmine:** Bolehkah Cik Carol memberi sedikit hurai tentang insurans dan simpanan?

**Carol:** Insurans bertujuan melindungi diri dan keluarga kita andai kata sesuatu terjadi kepada diri kita. Kita perlu tahu, apakah litupan polisi insurans kita. Bukan semua perkara yang berlaku di sekeliling kita akan dilitupi oleh insurans. Contoh, penyakit SARS. Kemudian, baru kita tentukan sama ada keluarga kita memerlukan litupan sedemikian atau tidak.

Kanak-kanak mudah terdedah kepada kernalangan, kerana mereka aktif bermain sepanjang masa. Jadi, insurans mampu memberikan perlindungan kepada mereka. Bagi keluarga pula, kita harus berfikir panjang. Andai kata suatu hari nanti, saya meninggalkan keluarga saya, dan mereka memerlukan wang untuk terus hidup. Maka insurans dapat membantu.

Insurans dan simpanan adalah dua perkara yang berbeza. Simpanan hanya bermaksud menyimpan wang kita di suatu tempat yang selamat. Kita mampu menggunakan wang simpanan untuk melabur. Insurans pula adalah perlindungan, yang akan memberikan kita wang pampasan sekiranya sesuatu terjadi pada diri kita.

**Jasmine:** Sebelum berpisah, apakah nasihat Cik Carol kepada ibu bapa kita berkenaan pengurusan wang?

**Carol:** Tanyalah diri, apakah objektif mempunyai seorang anak. Pasangan harus berbincang tentang keputusan yang akan diambil. Diskusi adalah penting. Kita harus memastikan anak-anak kita akan mempunyai satu kehidupan yang baik pada masa depan. Perancangan kewangan hanyalah sebahagian kecil dalam pelan hidup kita. Rancangan kewangan berfungsi sebagai sokongan kepada kehidupan masa depan kita yang lebih baik. Yang penting, nilai dan ikatan keluarga mesti kukuh. Ahli keluarga harus saling memahami dan hormat-menghormati antara satu sama lain. ♦

## Catatan Editor

Selepas temu bual selama 1 jam setengah, banyak pengetahuan baru yang saya perolehi. Dan saya rasa amat berguna, khususnya kepada pasangan muda yang baru berkahwin, yang akan menimang cahaya mata tidak lama lagi. Sememangnya, rancangan kewangan hanyalah sebahagian kecil dalam rancangan riwayat hidup seseorang. Namun, ia berperanan penting. Kurang sokongan wang, banyak sekatan hidup.


Yang penting, kita harus memahami diri kita. Tentukan matlamat hidup kita. Kuasai kehidupan kita sendiri. Hanya dengan memiliki konsep ini, kita mampu merancang status kewangan kita, dengan lebih baik dan lebih berkesan.

## Smart

Permainan yang sesuai untuk kanak-kanak berumur 3 tahun dan ke atas. Mengandung 21 set puzzle yang berwarna-warni yang mengajar anak-anak kecil tentang nombor, warna, bentuk dan abjad. Anak-anak kecil boleh mula mempelajari pemadanan objek dengan betul.

Tajuk-tajuk yang ditawarkan:

- a) Learning The Numbers
- b) Learning The Colours
- c) Learning The Shapes
- d) Learning The Alphabets



2 PUZZLE Hanya  
RM 35.00

Ahli MindCat? Ekstra 10% diskaun menanti anda!  
Untuk keterangan lanjut, sila layari [www.mindcat.com](http://www.mindcat.com)

**mindCat.com**

**Borang Pesanan**

Ya, saya ingin membeli  set Learning Through Puzzle  
(Pilihan saya  a  b  c  d )

Nama (En/Pn.):

Pekerjaan:

Alamat Rumah:

Poskod: Tel(R):

Tel(B): E-mel:

### Syarat-syarat:

1. Promosi terhad kepada pembaca Ibu&Ayah di Malaysia sahaja.
2. Hanya borang pesanan yang lengkap diisi berserta bayaran akan diproses.
3. Kos penghantaran RM 5.00 (bagi Semenanjung Malaysia) dan RM 10.00 (bagi Sabah / Sarawak) perlu disertakan dalam jumlah bayaran.
4. Cek-cek lambang akan dikenakan Caj tambahan.
5. Semua bayaran melalui cek / wang pos / draft bank perlu berpalang dan berbayar kepada The Learning Mind Sdn. Bhd. 22-3-1, Jalan 2/101C, Cheras Business Centre, 56100 Kuala Lumpur.